

**JANGKA 2 JUTA KENDERAAN SEHARI PADA HARI-HARI PUNCAK  
SEMPENA CUTI PERAYAAN AIDILFITRI**

- **PLUS Komited Ambil Langkah Proaktif Sedia Perjalanan Lebih Selamat & Selesa di Lebuh Raya**

**Petaling Jaya, 11 April 2023:-** PLUS Malaysia Berhad (PLUS) menyatakan komitmen syarikat ini untuk membantu orang ramai menikmati perjalanan yang selamat dan selesa ketika menggunakan rangkaian lebuh rayanya untuk pulang ke kampung pada cuti perayaan sempena Hari Raya Aidilfitri yang akan datang.

**2 Juta Kenderaan Sehari Pada Hari-Hari Puncak**

“Kami menjangkakan kira-kira 2 juta kenderaan akan menggunakan semua rangkaian lebuh raya kami setiap hari pada Hari-Hari Puncak (hari-hari yang dijangka mencatatkan jumlah trafik tertinggi) iaitu pada 20 April hingga 21 April, 24 April hingga 25 April, 29 April hingga 1 Mei dan 4 Mei hingga 7 Mei 2023. Ia merupakan peningkatan sebanyak 20% berbanding jumlah trafik pada hari-hari biasa,” kata Ketua Pegawai Operasi PLUS, Datuk Zakaria Ahmad Zabidi.

“Oleh itu, PLUS menyarankan agar orang ramai yang menggunakan rangkaian lebuh raya kami supaya merancang perjalanan mereka dengan baik dan pulang ke kampung lebih awal bagi mengelakkan mereka terperangkap dalam lonjakan trafik pada Hari-Hari Puncak,” jelas Datuk Zakaria.



## MEDIA STATEMENT

“Bagi menguruskan lonjakan trafik pada perayaan kali ini, PLUS telah membuat persediaan dan mengatur pelbagai strategi bagi membantu orang ramai menikmati perjalanan yang lebih selamat dan selesa di lebuhraya kami. Strategi-strategi tersebut merangkumi aspek keselamatan lebuhraya, pengurusan trafik dan kesesakan, pengagihan trafik, pengurusan trafik di plaza tol, pengurusan kemudahan di kawasan rehat, hebahan maklumat trafik dan sebagainya,” tambah beliau.

### **Kolaborasi Bersama PDRM & JPJ Untuk Tingkat Tahap Keselamatan**

Dalam memastikan aspek keselamatan pengguna lebuhraya sentiasa berada pada tahap yang baik, PLUS akan terus berkolaborasi bersama Polis DiRaja Malaysia (PDRM) dan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) untuk melaksanakan penguatkuasaan undang-undang dan advokasi di lebuhraya sepanjang musim perayaan ini.

### **Pasukan Bantuan Kecemasan di 11 Lokasi**

Selain itu, PLUS turut menempatkan Pasukan Bantuan Kecemasan (ERT) yang terdiri daripada PDRM, JPJ, Angkatan Pertahanan Awam (APM), St John Ambulans dan Persatuan Bulan Sabit Merah (PBSM) di 11 lokasi strategik di lebuhraya dengan lebih daripada 500 petugas.

### **269 Pasukan Peronda Lebuhraya di PLUS & LPT2**

“Untuk meningkatkan tahap keselamatan di rangkaian Lebuhraya PLUS termasuklah di Lebuhraya Pantai Timur 2 (LPT2) pada musim perayaan ini, sebanyak 269 jumlah pasukan peronda lebuhraya merangkumi PLUSRonda dan LPT2Ronda ditugaskan menjalankan rondaan 24 jam sehari dan bagi membantu pengguna lebuhraya yang mengalami kecemasan atau kerosakan kenderaan. Jumlah ini merupakan peningkatan sebanyak 9.3% berbanding hari-hari biasa,” katanya.

### **PLUS Akan Keluarkan Jadual Perjalanan TTA Dalam Masa Terdekat**

PLUS juga akan turut mengeluarkan jadual Cadangan Waktu Perjalanan (TTA) untuk perjalanan di Lebuhraya Utara-Selatan dalam tempoh terdekat ini sebagai strategi untuk mengagihkan trafik dan membantu orang ramai merancang perjalanan mereka untuk pulang ke kampung atau kembali semula ke Lembah Klang pada musim perayaan ini.

### **6,000 Kakitangan di Seluruh Ekosistem Lebuhraya Untuk Bantu Pengguna**

PLUS juga turut menempatkan lebih 6,000 petugas dari keseluruhan ekosistem lebuhrayanya di plaza-plaza tol, kawasan rehat dan rawat, hentian sebelah dan laluan utama lebuhraya meliputi anggota peronda, pembantu khidmat pelanggan dan penyelia plaza tol, petugas Pusat Pemantauan Trafik (TMC), anggota RELA, Pasukan Bantuan Kecemasan (ERT) dan kakitangan penyelenggaraan untuk bersedia membantu pengguna lebuhraya.



## MEDIA STATEMENT

---

### **Tiada Penutupan Lorong Mulai 18 April Hingga 7 Mei**

“Bagi memastikan perjalanan di lebuhraya lebih lancar dan selesa, PLUS akan menghentikan sementara kerja-kerja naik taraf dan penyelenggaraan di lebuhraya mulai 18 April hingga 7 Mei akan datang. Dalam tempoh tersebut, tiada penutupan lorong akan dilaksanakan. Namun begitu, sekiranya berlaku kes-kes kecemasan serta terdapat kerja pembaikan kritikal, penutupan lorong terpaksa dijalankan bagi memastikan keselamatan pengguna lebuhraya ketika musim perayaan ini,” ujar Datuk Zakaria.

### **Komunikasi Berterusan Maklumat Trafik di Lebuhraya**

Pengguna lebuhraya boleh mendapatkan maklumat trafik terkini sempena musim perayaan di Lebuhraya PLUS dan LPT2 menerusi beberapa medium komunikasi dengan mengikuti twitter @PLUStrafik atau twitter @LPT2trafik, Aplikasi PLUS, Chatbot PUTRI, stesen-stesen radio dan papan tanda elektronik (VMS).

**PLUS ANTICIPATES 2 MILLION VEHICLES A DAY DURING PEAK DAYS OF AIDILFITRI TRAVELS****- Committed to Take Proactive Measures to Provide Safer and More Convenient Highway Travel**

**Petaling Jaya, 11<sup>th</sup> April 2023:-** PLUS Malaysia Berhad (PLUS) is ready to provide safer and more convenient travel and help the public for their much-anticipated 'Balik Kampung' journey for this year's Aidilfitri festive celebration.

**2 Million Vehicles Per Day**

"PLUS anticipate that approximately 2 million vehicles will travel on our highway network daily on peak days on 20<sup>th</sup> April to 21<sup>st</sup> April, 24<sup>th</sup> April to 25<sup>th</sup> April, 29<sup>th</sup> April to 1<sup>st</sup> May and 4<sup>th</sup> May to 7<sup>th</sup> May 2023 in conjunction with the Aidilfitri holiday period. The figure translates to a 20% increase in traffic as compared to normal days," said PLUS' Chief Operating Officer, Datuk Zakaria Ahmad Zabidi.

"Therefore, we advise highway customers to plan for their 'Balik Kampung' travel earlier to avoid getting caught up in traffic surge during peak days," explained Datuk Zakaria.

"As such, to cope with the traffic increase, PLUS is preparing and taking various strategies to help travellers enjoy safer and more convenient travel on our highways. The strategies include safety, traffic and congestion management, traffic distribution, traffic management at toll plazas, facilities management at rest areas, as well as traffic information dissemination throughout the holiday period," he added.

**Collaboration with The Police and RTD To Heighten Safety**

To ensure the safety of highway users, PLUS continues to collaborate with the Royal Malaysian Police (PDRM) and the Road Transport Department (RTD) for traffic law enforcement as well as carry out continuous road safety advocacy on the highways throughout the festive period.

**Emergency Teams on Standby at 11 Locations**

In addition, PLUS also provides an Emergency Response Team (ERT) comprising of PDRM, RTD, Civil Defence Force (APM), St John Ambulance and Red Crescent Society (PBSM) at 11 strategic locations on the highway with more than 500 personnel.

**269 Patrolling Teams on PLUS and LPT2**

"On the other hand, to improve the level of safety on the PLUS highway network including Lebuhraya Pantai Timur 2 (LPT2) during the festive season, a total of 269 highway patrol teams including PLUSRonda and LPT2Ronda are assigned with patrolling 24 hours a day and to assist highway users in distress and emergencies. This is an increase of 9.3% over normal days," he said.

**PLUS To Issue Out TTA**

PLUS will also issue out its Travel Time Advisory (TTA) for the North-South Expressway as a strategy to distribute traffic and help the public to plan their 'Balik Kampung' and return to the Klang Valley travels during the holidays.



## **MEDIA STATEMENT**

---

### **6,000 Personnel on Highway Ecosystem**

In addition, PLUS also provides more than 6,000 personnel from the highway ecosystem at toll plazas, rest areas, lay-bys and highway mainline including highway patrol personnel, customer service assistants and toll plaza supervisors, Traffic Monitoring Centre (TMC) personnel, RELA personnel, Emergency Response Team (ERT) and maintenance personnel to assist highway users.

### **No Lane Closure From 18<sup>th</sup> April to 7<sup>st</sup> May**

“To ensure the journey on the highway is smoother and more comfortable, PLUS will also temporarily halt the upgrading and maintenance works on the highway from 18<sup>th</sup> April to 7<sup>st</sup> May. During the period, no lane closures will be implemented. However, in the event of emergency and critical repair work cases, lane closures should be carried out for the safety of highway users during the festive season,” said Datuk Zakaria.

### **Traffic Updates and Communication**

Highway users can get the latest traffic updates during the festive season on PLUS-operated highway through multiple communication channels such as Twitter @PLUStrafik or twitter @LPT2trafik, the PLUS App, PUTRI Chatbot, radio stations and Variable Message Signs (VMS).

-END-